

SKMM sekat laman sesawang Sugarbook

Penyedia aplikasi sedia ‘pintu belakang’ kepada pengguna internet

Oleh Samadi Samad dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Laman sesawang Sugarbook yang menggemparkan tanah air, tidak boleh diakses mulai kelmarin selepas disebat .Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), namun difahamkan ada kaedah ‘pintu belakang’ untuk mengakses laman itu.

Semakan BH mendapati tertera notis ‘Akses kepada laman sesawang ini dihalang di bawah Seksyen 263 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 kerana melanggar undang-undang Malaysia di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1988’ pada laman berkenaan, selain ‘Melanggar peruntukan Seksyen

233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1988’.

Namun, ada laporan menyatakan penyedia aplikasi ‘panas’ itu menyediakan kaedah ‘pintu belakang’ kepada pengguna internet bagaimana hendak mengakses laman sesawang itu walaupun disebat SKMM.

Mengulas perkara itu, Pengerusi SKMM, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, berkata pihaknya tidak boleh mengambil tindakan terhadap penyedia aplikasi berpangkalan di luar negara, kecuali menyekat capaian pada peringkat perkhidmatan internet (ISP) tempatan kerana menyalahi undang-undang Malaysia.

“Penyedia perkhidmatan kandungan dan aplikasi yang berpangkalan di luar negara tidak tertakluk kepada undang-undang Malaysia, namun capaian kandungan serta perkhidmatan aplikasi yang menyalahi undang-undang Malaysia boleh disebat pada peringkat ISP tempatan.

“Siasatan terhadap aplikasi Sugarbook dibuat selepas pihak polis dan SKMM melihat keperluan berkenaan kerana terdapat unsur serta kegiatan disyaki

bertentangan nilai moral masyarakat di negara ini,” katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, SKMM dalam kenyataannya berkata, pihaknya akan menyiasat aplikasi Sugarbook kerana didakwa mempromosikan gaya hidup tidak bermoral. Siasatan turut dilakukan kerana profil pengguna boleh diolah sesuka hati bagi tujuan lain, termasuk memperdayakan mangsa.

Media sebelum ini melaporkan, seramai 12,705 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dikatakan berdaftar dengan aplikasi Sugarbook bagi mencari ‘sugar daddy’, iaitu peningkatan lebih 40 peratus pendaftaran pengguna baharu dipercayai akibat desakan hidup ketika COVID-19.

Sementara itu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah semalam, mengingatkan umat Islam tidak menggunakan aplikasi Sugarbook berikutan perbuatan yang boleh mendorong perzinaan dilarang mengikut hukum syarak.

Beliau berkata, larangan itu berdasarkan kepada dalil seperi yang terdapat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Isra’



Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek

ayat ke-32 yang bermaksud; *‘Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)’*.

“Aktiviti itu juga jelas bercanggah dengan norma masyarakat negara ini yang sentiasa memelihara tatasusila serta kesopanan dalam aspek pergaulan antara lelaki dengan wanita. Kepada ‘Sugar Daddy’ dan ‘Sugar Baby’ serta umat Islam yang terbabit dengan aktiviti ini diminta segera bertaubat kepada Allah SWT dan berazam untuk meninggalkan perbuatan yang tidak bermoral ini,” katanya.

Ketua Penerangan PAS, Kamaruzaman Mohamad dalam hantaran di Facebook mengucapkan tahniah dan berterima kasih atas tindakan pantas SKMM menyekat laman sesawang Sugarbook yang disifatkan langkah proaktif dan paling tepat bagi mengekang gejalal pelacuran daripada terus merebak.